







# SOP MAJLIS BERBUKA PUASA (PKPB)

MLGH

10.04.2021

# SEKTOR: SOP MAJLIS BERBUKA PUASA (PKPB)

**Merangkumi**

Majlis Berbuka Puasa di Restoran / Dewan / Hotel / Premis Jualan Makanan (Kedai Makan)

**Perkara dibenarkan**

Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau premis atau tempat terbuka

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

1. Pergerakan dari meja ke meja dan bersalaman.
2. Majlis berbuka puasa tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa dan sukar untuk mengawal keperilakuan.
3. Hidangan makanan secara buffet
4. Pergerakan ke kawasan PKPP/PKP/PKPD
5. Penganjuran di kawasan PKP dan PKPD tidak dibenarkan.
6. Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS) tidak dibenarkan hadir.

**Arahan Tetap**

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari semasa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak  Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa
3. Peraturan Kebersihan Makanan 2009

| Waktu Operasi | Waktu Kehadiran Tetamu / Pelanggan | Kapasiti Tetamu / Pelanggan |
|---|---|---|
| **Tertakluk kepada penganjuran** | **Tertakluk kepada penganjuran** | **50% daripada kapasiti ruang majlis/ dewan / hotel / restoran / kedai makan dengan penjarakan atau maksimun 300 pax sahaja** |

## AKTIVITI & PROTOKOL AM

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **PROSES TEMPAHAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGANJUR** | a. **WAJIB** memaklumkan kepada JPBB dan PBT sekiranya ingin menganjurkan Majlis Berbuka Puasa<br>b. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melakukan pemeriksaan bersama JPBB dan KKM  sebelum kelulusan bertulis dikeluarkan oleh JPBB<br>c. Pelanggan **WAJIB** membuat tempahan untuk berbuka puasa di premis. **Walk-in** adalah **TIDAK DIBENARKAN**<br>d. Tempahan berbuka berkumpulan daripada agensi kerajaan atau swasta **TIDAK DIBENARKAN**. Hanya kumpulan individu serta ahli keluarga terdekat sahaja dibenarkan<br>e. Tidak dibenarkan menunggu dalam barisan, pelanggan hanya membuat pilihan melalui menu dan makanan dihidang di meja<br>f. Pihak Penganjur hendaklah melakukan penguatkuasaan kendiri *(Self Enforcement)* terhadap pematuhan SOP ini |
| **PROSES KEHADIRAN TETAMU / PELANGGAN** | a. Menetapkan dan menandakan secara jelas laluan khas keluar dan masuk tetamu/pelanggan dan perimeter kawasan majlis/tempat berbuka puasa terutamanya bagi penganjuran majlis di tempat terbuka atau tempat persidangan<br>b. Kaunter pendaftaran hendaklah diwujudkan di pintu masuk untuk meghadkan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Tetamu/pelanggan dengan suhu badan melebihi 37.5 celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk.<br>c. Penganjur/pengusaha/petugas/pramusaji (waiter)/pekerja juga perlu menjalani saringan kesihatan dan tidak bergejala dan diwajibkan memakai pelitup muka (face mask).<br>d. Memastikan tetamu/pelanggan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa menunggu giliran di kaunter pendaftaran.<br>e. Petugas di kaunter pendaftaran perlu memastikan tetamu/pelanggan membersihkan tangan menggunakan sabun , pencuci tangan atau hand sanitizer sebelum masuk premis.<br>f. Mengawal pintu masuk dan kehadiran tetamu/pelanggan yang masuk ke dalam ruang majlis mengikut ketetapan SOP.<br>g. Kehadiran tetamu/pelanggan hendaklah seramai 50% daripada kapasiti ruang/ dewan (hotel) dan mengikut saiz ruang dan saiz meja bagi restoran dan kedai makan dengan mematuhi penjarakan fizikal 1 meter. |
| **RUANG MAJLIS /BUFFET RAMADHAN** | a. Melakukan pembersihan dan disinfeksi mengikut garis panduan KKM sebelum dan selepas majlis berbuka di kawasan ruang majlis/ruang makan, kerusi dan meja, alatan catering, tandas dan mana-mana kawasan, permukaan atau alatan/barangan yang kerap disentuh.<br>b. Memastikan tempat penganjuran majlis/ruang makan mempunyai pengudaraan yang baik.<br>c. Memastikan penjarakan fizikal tetamu/pelanggan sekurang-kurangnya 1 meter semasa di meja makan.<br>d. Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara pack-food, hidang (served), *dome setting*<br>e. Pramusaji/petugas/pekerja mesti memakai pelitup muka  dan sarung tangan semasa mengendalikan makanan |

# SEKTOR: SOP MAJLIS BERBUKA PUASA (PKPB)

**Merangkumi**

Majlis Berbuka Puasa di Restoran / Dewan / Hotel / Premis Jualan Makanan (Kedai Makan)

**Perkara dibenarkan**

Tempat penganjuran majlis di dalam dewan atau premis atau tempat terbuka

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

1. Pergerakan dari meja ke meja dan bersalaman.
2. Majlis berbuka puasa tidak dibenarkan sekiranya sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa dan sukar untuk mengawal keperilakuan.
3. Hidangan makanan secara buffet
4. Pergerakan ke kawasan PKPP/PKP/PKPD
5. Penganjuran di kawasan PKP dan PKPD tidak dibenarkan.
6. Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS) tidak dibenarkan hadir.

**Arahan Tetap**

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari semasa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa
3. Peraturan Kebersihan Makanan 2009

| Waktu Operasi | Waktu Kehadiran Tetamu / Pelanggan | Kapasiti Tetamu / Pelanggan |
|---|---|---|
| **Tertakluk kepada penganjuran** | **Tertakluk kepada penganjuran** | **50% daripada kapasiti ruang majlis/ dewan / hotel / restoran / kedai makan dengan penjarakan atau maksimum 300 pax sahaja** |

## AKTIVITI & PROTOKOL AM

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **PROSES KETIBAAN TETAMU/PELANGGAN** | a. Mengikut arahan penganjur/pengusaha di kaunter pendaftaran di pintu masuk bagi membuat pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Tetamu/pelanggan dengan suhu badan melebihi 37.5 celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk.<br>b. Para tetamu/pelanggan membersihkan tangan menggunakan sabun , pencuci tangan atau hand sanitizer sebelum masuk.<br>c. Semasa menunggu giliran di kaunter pendaftaran, para tetamu/pelanggan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh penganjur/pengusaha.<br>d. Tetamu/pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka (face mask).<br>e. Individu yang mempunyai penyakit kronik dinasihatkan untuk tidak menyertai atau hadir ke majlis/ buffet Ramadhan. |
| **PENDAFTARAN TETAMU/PELANGGAN** | a. Semua penganjur majlis/pengusaha mesti menyediakan daftar kehadiran **pekerja** dan **tetamu/pelanggan** untuk simpanan dan rekod sekiranya berlaku kes jangkitan dengan menggunakan aplikasi MySejahtera atau secara manual (nama, no. Telefon, tarikh dan masa) sekiranya di kawasan tersebut tiada liputan Internet.<br>b. Semua tetamu/pelanggan **WAJID** mendaftarkan kehadiran berdasarkan nama, nombor telefon, tarikh dan masa kehadiran seperti yang ditetapkan oleh penganjur majlis/pengusaha menggunakan aplikasi MySejahtera atau secara manual sekiranya di kawasan tersebut tiada liputan Internet.<br>c. Kehadiran tetamu/pelanggan dari kalangan bayi dan kanak-kanak tidak digalakkan. |
| **SEMASA MAJLIS** | a. Mengambil kedudukan seperti yang telah ditanda atau ditetapkan oleh penganjur/pengusaha.<br>b. Mengelakkan sembang dekat (close conversation) dan bergerak dari meja ke meja.<br>c. Makan dalam kedudukan penjarakan fizikl dan tidak berkumpul semasa makan.<br>d. Tidak bersesak di dalam lif dan tandas atau mana-mana ruang di tempat majlis dianjurkan.<br>e. Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar ruang majlis sebelum atau selepas selesai berbuka puasa<br>f. Meninggalkan tempat dengan teratur dan tidak bersesak-sesak |
| **PROTOKOL PENCEGAHAN PENYAKIT DAN SEKATAN** | Sekiranya operator, pekerja atau pelanggan didapati positif Covid-19, premis hendaklah ditutup serta-merta untuk tujuan pembersihan. |
| **MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID DAN SURAU** | Majlis Berbuka Puasa (Iftar) di Masjid dan Surau adalah tertakluk kepada kebenaran dan juga SOP Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri. |

**Nota:** Mana-mana penganjur dan tetamu/pelanggan yang tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan akan dikompaun berdasarkan peraturan dan undang-undang semasa.

# PANDUAN BILANGAN PELANGGAN

## Round Table



Diameter: 0.9 m




Diameter: 1 – 1.2 m




Diameter: 1.7 m

| D: Diameter Meja | Bilangan |
|---|---|
| 2 meter | **6 orang** |
| 2.6 meter | **8 orang** |
| 3.0 meter | **10 orang** |

## Square/Rectangular Shape Table



Table length: 0.9 m



Table length: 1  to 1.1m







Length: Kurang 0.9 m



Pelan Lantai Restoran/Kedai Makan






mediacorp




1.7 m